

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 JANUARY 2017

# Dr Mahathir jaguh pusingan U: Najib

BH-16/1/2017

➔ Sering buat kenyataan bercanggah, mengelirukan rakyat, termasuk isu BR1M

Oleh Abdul Razak Raaff,  
Nik Sukry Ramli dan Amin  
Ridzuan Ishak  
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Tun Dr Mahathir Mohamad dianggap sebagai jaguh 'pusingan U' kerana sering membuat kenyataan bercanggah dan mengelirukan rakyat termasuk berkaitan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Perdana Menteri, Datuk Seri Na-

jib Razak, berkata pada 26 Disember lalu, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu menuduh BR1M yang diperkenalkan pada 2012 sebagai rasuah kerajaan kepada rakyat untuk menang pilihan raya umum.

Semalam pula, beliau berkata, Dr Mahathir membuat pusingan U dengan mengatakan pembangkang akan meneruskan pemberian BR1M jika pembangkang menang pilihan raya umum akan datang.

Dalam masa kira-kira tiga minggu, katanya, Dr Mahathir menukar pendirian dan membuat kenyataan pusingan U.

## Kenyataan bercanggah

"Beliau banyak mengeluarkan kenyataan bercanggah satu demi satu sejak kebelakangan ini. Jadinya kita boleh anggap beliau sebagai jaguh 'u-turn' kerana pendiriannya yang berbeza-beza.

"Kerajaan tak anggap BR1M sebagai rasuah, malah ia tidak banyak berbeza dengan bantuan

yang diberi oleh kerajaan pembangkang di Selangor dan Pulau Pinang.

"Sewaktu beliau jadi Perdana Menteri dahulu, ada juga bantuan kebajikan dan wang ehsan yang diberi kerajaan untuk membantu rakyat," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian Hadiah Kecemerlangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan PT3 2016 di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Biro Pendidikan UMNO Bahagian Pekan, Datuk Ibrahim Awang Ismail dan Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Mohd Nawawi.

"BR1M tidak seharusnya dijadikan bahan politik kerana ia adalah usaha kerajaan dalam menolong kebajikan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

"Bayaran BR1M menggunakan peruntukan yang diperolehi daripada dasar rasionalisasi subsidi,

terutama subsidi minyak dan diesel dan menetapkan pemberian secara tersasar kepada mereka yang benar-benar memerlukan," katanya.

## Terima pelaburan semua negara

Mengenai dakwaan Dr Mahathir bahawa pembangkang akan menghapuskan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) jika memenangi pilihan raya, Najib berkata, kenyataan itu hanya untuk mengaburi rakyat.

"Apakah hasil yang mereka (pembangkang) boleh sediakan jika menghapuskan GST kerana kerajaan kehilangan RM40 bilion jika berbuat demikian," katanya.

Sementara itu ketika berucap pada majlis sepetang bersama masyarakat Cina Parlimen Pekan sempena Tahun Baharu Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJ-KC) Pekan, di sini, semalam, Najib berkata Malaysia menerima pelaburan dari semua negara di dunia

kerana ia banyak membantu rakyat serta meneruskan agenda pembangunan negara.

"Begitu juga dengan nilai pelaburan RM144 bilion yang kita terima dari China... ini adalah untuk kebaikan rakyat dan negara keseluruhannya.

"Tetapi malangnya ada pihak menjadikannya kontroversi. Pelaburan dari China ini juga memberi manfaat kepada kita, selain projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL)... harga minyak sawit juga meningkat kepada RM3,200 satu tan berbanding RM2,600 sebelum lawatan saya ke China, Kerajaan China setuju untuk membeli minyak sawit daripada kita," katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis Kursus Praperkahwian anjuran Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Pekan di sini, Najib berkata pembangunan insan termasuk pengukuhan institusi keluarga penting bagi mengelak individu terjebak dengan perceraian atau tekanan hidup.